

Sarawak bersedia hadapi banjir

KUCHING: Sarawak diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan amaran hujan peringkat merah oleh Jabatan Meteorologi, di sini semalam, yang dikhuatiri boleh menyebabkan banjir besar.

Di bandar raya ini saja, hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan beberapa kawasan, khususnya di Batu Kawa, Pekan Tundong dan Pekan Seniawan ditenggelami air kira-kira satu meter.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) Negeri, Lef. Kol. Abdul Wahab Rahim, ketika dihubungi, berkata pasukan penyelamat sudahpun ditempatkan di lokasi terbabit bagi menjalankan tugas pemantauan.

"Bagaimanapun, saya dimaklumkan belum ada mangsa dipindahkan setakat ini. Namun, anggota kita memang ditempatkan di sana untuk menjalankan tugas pemindahan mangsa jika perlu.

"Saya juga menasihatkan penduduk terbabit supaya segera berpindah jika masih hujan dalam tempoh 24 jam. Jangan tunggu saat-saat akhir sebab kita bimbang lebih banyak masalah berlaku nanti," katanya.

Beliau berkata, kawasan terbabit adalah sebahagian daripada 19 lokasi banjir berjaya dikenalpasti dalam dua kejadian banjir besar di bandar raya ini pada 2003 dan 2004, yang disifatkan terburuk dalam sejarah negeri.

"Kita terima laporan banjir di Kuching saja setakat ini, manakala, di semua bahagian lain keadaan agak baik. Selain banjir, kita turut memantau kejadian tanah runtuh," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Meteorologi Cawangan Sarawak, ketika dihubungi, berkata bahagian selatan negeri, terutama Kuching, Samarahan dan Sri Aman dijangka menerima hujan lebat sehingga minggu depan.

Di **MIRI**, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam mengingatkan penduduk yang mendiami kawasan rendah supaya berpindah segera sekiranya banjir berlaku tanpa perlu menunggu arahan pihak berkuasa.